

## Penerokaan REE berisiko jejas bekalan air 3 negeri

Oleh **Zuhainy Zulkiffli** - Disember 7, 2020 @ 5:35pm



*Empangan Ulu Muda di Sik bertindak sebagai kawasan tadahan serta pembekal sumber air penting bagi tiga negeri iaitu Kedah, Perlis dan Pulau Pinang. - Foto NSTP/ Earth Lodge*

GEORGETOWN: Kelulusan bagi permit penerokaan berskala besar di Ulu Muda di Kedah, berisiko menjejaskan bekalan air di tiga negeri di utara tanah air serta berbahaya kepada 4.2 juta penduduk.

Malah operasi penerokaan berskala besar dikhuatiri menghasilkan sejumlah besar sisa toksik, serpihan dan tanah tercemar serta membawa impak buruk terhadap alam sekitar dan kesihatan.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Datuk Ir Jaseni Maidinsa, berkata penerokaan di Kompleks Hutan Simpan Ulu Muda seluas 402,781 ekar (163,000 hektar) itu membabitkan pembukaan tanah berskala besar di mana sahaja mineral berkenaan dijumpai.

Katanya, penebangan pokok, perataan bukit, kerja mendirikan kuari dan menggali bumi menyebabkan kemusnahan besar di persekitaran hutan hujan, selain memberi kesan buruk kepada Sungai Muda yang juga sumber air mentah yang strategik.

"Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), Kementerian Sumber Asli dan Tenaga (NRE) serta Majlis Keselamatan Negara (MKN) mesti bekerjasama menghentikan tindakan berbahaya ini dengan segera.

"Menteri Besar Kedah (Muhammad Sanusi Md Nor) dengan mudah melupakan yang Ulu Muda adalah kawasan tadahan air terbesar dan terpenting di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER)," katanya dalam kenyataan hari ini.

Sebelum ini, Muhammad Sanusi menerusi sidang media mengumumkan kerajaan negeri sudah meluluskan permit syarikat tempatan bagi meneroka mineral jenis 'rare earth elements' (REE) di Ulu Muda, Sik dan Baling yang dianggarkan bernilai RM62 bilion.

Mineral tidak beradioaktif itu didapati di bawah muka bumi Sik, kawasan Ulu Muda, Baling serta di Lenggong, Perak, namun Muhammad Sanusi memberi jaminan tiada pokok balak akan ditebang semasa proses itu.

Mengulas lanjut, Jaseni berkata, tiada cara lain untuk menjalankan perusahaan perlombongan berskala besar di Ulu Muda tanpa memusnahkan hutan hujan yang menjadi tadahan air dan mengalir ke Sungai Muda sebagai air mentah.

Katanya, Ulu Muda adalah penghubung pertama dalam rangkaian nilai bekalan air NCER yang memenuhi keperluan air penduduk dan perniagaan di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.

"Kira-kira 70 peratus air mentah Perlis dan 96 peratus air mentah Kedah datangnye dari Ulu Muda, manakala lebih 80 peratus air mentah yang diabstrak PBAPP dari Sungai Muda, di muka sauk Lahar Tiang di Pulau Pinang, berasal dari Ulu Muda.

"Ulu Muda tidak dapat terus berfungsi sebagai kawasan tadahan air semula jadi utama bagi tiga negeri NCER jika hutan hujannya ditebang, bukit diratakan dan landskap dicalarkan operasi perlombongan. Malah potensi kerosakan mungkin akan kekal," katanya.

Sehubungan itu, Jaseni percaya penerokaan REE di Ulu Muda pasti akan meletakkan perkhidmatan bekalan air bagi tiga negeri dalam keadaan bahaya.

"KASA, NRE dan MKN mesti memastikan Kedah tidak membahayakan keselamatan bekalan air negeri NCER yang menyumbang RM147.8 bilion pada 2019 ini," katanya.